

*PENONJOLAN BUDAYA  
MASYARAKAT NYONYA-BABA  
DI MELAKA MELALUI PAKAIAN*

oleh

*SALMIMAH BTE UJANG @ BAHARIN*

*I.C. ITM : 85703029*

*Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.*

- 1. Diperiksa oleh \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_*
- 2. Diperiksa oleh \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_*
- 3. Diperiksa oleh \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_*

*Diluluskan oleh \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_*

*Dekan  
Kajian Senilukis dan Senireka  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam  
40450 Selangor Darul Ehsan.*

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
<i>Penghargaan</i>	<i>i - iii</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>iv</i>
<i>Senarai sisipan</i>	<i>v</i>
<i>Sinopsis</i>	<i>vi - ix</i>
<b>BAB 1 SEJARAH</b>	
- <i>Latarbelakang Sejarah     Kemunculan Orang-orang     Cina Kelahiran Tempatan</i>	<i>1</i>
<i>Cina Jati dan     Cina Peranakan</i>	<i>8</i>
<b>BAB 2 : KEWUJUDAN NYONYA-BABA DI MELAKA</b>	
<i>Teori Asal Usul Orang-     orang Baba dan Nyonya</i>	<i>11</i>
<i>Pembentukan Masyarakat     Cina Peranakan</i>	<i>14</i>
- <i>Assimilasi Orang-orang     Cina Peranakan</i>	<i>20</i>
<b>BAB 3 BUDAYA BABA</b>	
A) <i>Agama dan Perayaan Baba</i>	<i>29</i>
B) <i>Perkahwinan Baba</i>	<i>31</i>
C) <i>Masakan Baba</i>	<i>32</i>
D) <i>Adat Kelahiran Nyonya</i>	<i>34</i>
E) <i>Bahasa</i>	<i>35</i>

## PENGHARGAAN.

*Segala puji hanya untuk Allah s.w.t. yang bersifat Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat serta salam untuk junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarga, para sahabat baginda dan pengikut-pengikut baginda yang beriman kepada kebesaran Allah s.w.t. Alhamdulillah, dengan izin Allah dapatlah saya menyelesaikan tesis saya yang bertajuk 'Penonjolan Budaya Masyarakat Nyonya-Baba diMelaka melalui pakaian'.*

*Buku ini tidak mungkin dapat dihasilkan tanpa bantuan dan sokongan yang menggalakkan daripada orang-orang dan pihak yang tertentu. Penulis sangatlah merasa terhutang budi dan pertolongan yang telah diberikan oleh mereka.*

*Pertama kali, saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada semua pensyarah-pensyarah fesyen yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan tesis ini. Juga ucapan terimakasih ditujukan kepada pihak Arkib Negara serta kakitangan perpustakaan yang telah memberikan perkhidmatan menggunakan buku-buku sebagai bahan rujukan.*

*Saya juga tidak lupa mengucapkan terimakasih kepada; Heritage Nyonya-Baba, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Melaka kerana memberikan kerjasama dari segi penerangan dan juga kebenaran mengambil gambar.*

*Ucapan yang sama turut dihulurkan kepada Encik*

## SINOPSIS.

Sebagaimana yang dapat di lihat pada tajuk tesis ini, tumpuan kajian adalah berhubung dengan penonjolan budaya masyarakat Nyonya-Baba dan kaitannya dengan pakaian yang di pakai pada masa-masa yang tertentu. Sejarah awal kedatangan orang-orang Cina dan seterusnya pembentukan dan asimilasi Cina Peranakan akan dapat menerangkan lebih lanjut akan perhubungan pakaian dan kebudayaan mereka.

Di dalam Bab 1, menjelaskan tentang latar-belakang sejarah kemunculan orang-orang Cina Kelahiran Tempatan berdasarkan kepada pendapat beberapa orang ahli sejarawan di dalam buku-buku atau kenyataan mereka contohnya Victor Purcell, N.B. Dennys dan lain-lain lagi. Di sini, dapat di lihat bermacam-macam tafsiran ataupun anggapan akan bagaimana kemunculan orang-orang Cina yang terawal di Asia Tenggara. Dan adakah telahan-telahan ini dapat di terima oleh masyarakat masa kini atau tidak, terpulanglah kepada individu sendiri mentafsirkannya sendiri. Walaubagaimanapun, dengan bukti-bukti yang didapati, bolehlah dipercayai bahawa memang telah terdapatnya orang-orang Cina pada zaman Kesultanan Melaka, dan timbulnya dua kaum Cina; Cina Peranakan dan Cina Jati.

Di dalam Bab 2 pula, menghuraikan teori asal usul orang-orang Baba dan Nyonya, pembentukan masya-

LATARBELAKANG SEJARAH KEMUNCULAN ORANG-ORANG CINA  
KELAHIRAN TEMPATAN.

Orang-orang Cina yang terdapat di Malaysia sekarang ini adalah berasal dari Negeri China. Terdapat beberapa pendapat dan keterangan oleh beberapa orang sejarawan yang menyatakan perihal bagaimana permulaan kedatangan mereka ke sini.

Diantara pendapat-pendapat tersebut menyatakan bahawa adanya sami-sami Budha dari Negeri China yang sedang dalam perjalanan ke India berkemungkinan telah singgah dipersisiran Semenanjung Melayu. Di dalam tahun 1344, seorang saudagar Cina bernama Wang Ta Yuan yang menulis mengenai Temasik, ada menyebut tentang kunjungan jung-jung Cina dan mereka ini hidup bercampur dengan penduduk-penduduk tempatan di Singapura. Ekoran dari itu, ramai orang-orang tempatan yang berkahwin dengan lelaki-lelaki Cina yang menetap di situ. Tetapi tidak diketahui samada perantau-perantau ini telah melahirkan keturunan dan generasi mereka di rantau ini atau pun tidak. Besar kemungkinan tujuan sebenar mereka ke sini adalah untuk berehat sebelum meneruskan perjalanan ke Negeri China dan belum lagi melahirkan keturunan di sini.

Negeri Melaka merupakan jalan perdagangan di antara Timur dan Barat dan juga pusat empayar